

Malaysia mampu dominasi skuasy KL2017

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY
BADLISHAH

IKON skuasy Malaysia, Datuk Nicol Ann David, 33, melahirkan keyakinan tinggi bahawa kontinjen negara mampu menyapu bersih tujuh pingat emas yang ditawarkan dalam acara itu pada Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) dari 19 hingga 30 Ogos depan.

Nicol, 33, menyifatkan skuad skuasy negara memiliki barisan pemain yang cukup bersedia dan mempunyai keupayaan tersendiri, sekali gus menepati sasaran sebagai salah satu penyumbang pingat emas buat kontinjen Malaysia pada KL2017.

Bagaimanapun, ratu skuasy negara itu yang pernah memegang takhta selaku

pemain No. 1 dunia selama sembilan tahun berturut-turut sehingga September 2015, tidak akan bertanding pada temasya dwitahunan tersebut.

“Malaysia memiliki skuad yang kuat kerana pemain-pemain memang melakukan persiapan rapi menghadapi KL2017. Saya percaya mereka mampu memberikan prestasi paling baik.

“Mereka akan lebih bersemangat (memburu pingat emas) dengan sokongan padu daripada penyokong-penyokong di laman sendiri nanti,” katanya selepas Majlis Pelancaran Program Transformasi Kepimpinan Sukan di Dewan Serbaguna, Stadium Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang semalam.



IDRIS (empat dari kanan) bersama Nicol (tengah) merakamkan gambar pada Majlis Pelancaran Program Transformasi Kepimpinan Sukan di Dewan Serbaguna, Stadium UPM, Serdang semalam.

Program anjuran Akademi Sukan UPM dengan kerjasama Sports Warrior Global itu dilancarkan

oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Ia bertujuan untuk me-

ingkatkan kualiti kepimpinan pelajar yang mengejar kecemerlangan sukan melalui urus tad-

bir sukan dan pada masa sama mengenal pasti serta memperkasakan pelajar yang bercita-cita tinggi memimpin persatuan sukan.

Sehubungan itu, Nicol yang kini menghuni ranking keenam dunia berharap program sebegini dapat dianjurkan di semua universiti di Malaysia kelak.

“Sukan boleh menerapkan nilai-nilai kepimpinan dalam pembangunan karier seseorang atlet itu.

“Dengan menjadikan saya sebagai bukti, sukan mempunyai kualiti dalam melahirkan seorang pemimpin yang bagus. Ia secara tak langsung mewujudkan satu platform dalam melahirkan pemimpin-pemimpin di Malaysia,” jelasnya.